

# JPA tarik balik biasiswa

UM 20 DEC 2002

Oleh LAUPA JUNUS

**P**UTRAJAYA 19 Dis. — Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memberi amaran akan menarik balik biasiswa pelajar tajaannya di luar negara yang terlibat dengan kegiatan berunsur negatif termasuk membabitkan diri dalam politik.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri berkata, pihaknya sentiasa memantau kegiatan semua pelajar tajaannya bagi memastikan mereka tidak terlibat dengan kegiatan tersebut.

“Sekiranya mereka terlibat maka kita akan hantar surat tunjuk sebab dan tidak teragak-agak untuk menarik balik biasiswa mereka,” katanya ketika ditemui pada majlis Hari Raya Aidilfitri anjuran agensi kerajaan berpejabat di Parcel C di sini, hari ini.

Agensi-agensi tersebut termasuk JPA, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perangkaan, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Jabatan Standard Malaysia.

Jamaluddin diminta mengulas mengenai keputusan Mara yang menarik balik pinjaman pendidikan 15 pelajar tajaannya di Jordan, berkuat kuasa serta-merta ekoran kes pukul seorang pelajar Malaysia di sana pertengahan November lalu.

## Serius

Jamaluddin berkata, JPA memandang serius sebarang penglibatan pelajar dalam kegiatan yang bukan bertujuan akademik.

Katanya, tindakan tegas diambil sejajar dengan syarat kelulusan yang ditetapkan dalam surat

perjanjian antara pelajar dan JPA.

Menurut beliau, JPA baru-baru ini menghantar beberapa pelajar tajaannya ke Jordan yang mengambil pengajian bi-dang perubatan.

“Biasanya pengajian perubatan memerlukan tumpuan lebih dan mereka tidak mungkin ada masa untuk terlibat dalam kegiatan politik,” katanya.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan pemiutang pinjaman pengajian JPA boleh berbincang bagi memudahkan kaedah pembayaran.

“Sebarang aduan mengenai pinjaman juga boleh diadakan kepada saya,” katanya.

Dalam perkembangan berasingan beliau berkata, isu menaikkan usia persaraan sektor awam kepada 58 tahun tidak berbangkit selepas kerajaan membuat keputusan muktamad mengenai

Malah katanya, Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk Siva Subramaniam telah memberi jaminan tidak lagi membangkitkan isu tersebut.

## Keputusan

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini menjelaskan, kerajaan kekal dengan keputusannya untuk tidak menaikkan usia persaraan dari 56 tahun sekarang kepada 58 tahun kerana ia membabitkan perbelanjaan tambahan.

Perdana Menteri menegaskan demikian sebagai maklum balas kepada cadangan Cuepacs dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang mahu kerajaan melanjutkan usia persaraan sektor awam kepada 58 tahun berbanding 56 tahun sekarang.

pelajar terlibat politik